

Pesanan Bapa Dorong Harresh Kejayaan dalam Bidang Bioindustri



Bintulu, 3 November – Dorongan dan pesanan daripada ibu bapa telah menjadi inspirasi terbesar bagi Harresh Ramesh Kumar untuk melanjutkan pengajian dalam bidang yang berkaitan dengan perniagaan keluarganya ternakan lembu tenusu keluarga mereka di Segamat, Johor.

Walaupun pada awalnya Harresh tidak merancang untuk menyambung pelajaran, nasihat dan galakan daripada keluarganya telah membawanya ke Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB) dimana beliau kini berjaya meraih Diploma Pertanian.

Menurut Harresh, ibunya dan terutamanya bapanya, sangat berharap beliau dapat mempelajari teknologi terkini bagi mengembangkan perniagaan keluarga.

"Ibu bapa saya beri dorongan untuk sambung belajar di UPMKB kerana mereka ingin saya mempelajari teknologi baru dalam penternakan lembu tenusu dan penanaman rumput napier secara komersial," katanya ditemui selepas Majlis Konvokesyen Universiti Putra Malaysia ke-48 di Kampus Bintulu hari ini.



Di UPMKB, Harresh berpeluang mendalami ilmu berkaitan penternakan dan teknologi tenusu, sesuai dengan keperluan perniagaan keluarga. Pengalaman ini membuka matanya terhadap kepentingan ilmu sains bioindustri dalam pengurusan ternakan dan pengeluaran produk tenusu berkualiti.

Harresh juga percaya bahawa kemahiran dalam bidang tanaman dan pertanian dapat memberi impak positif kepada perniagaan keluarga mereka.

“Kemahiran ini dapat saya manfaatkan untuk memastikan kualiti makanan ternakan terjaga, yang seterusnya menyumbang kepada pengeluaran susu yang lebih baik,” ujarnya.


Dengan sokongan keluarga dan ilmu yang diperolehnya, Harresh kini bersedia untuk menerapkan kemahiran bioindustri dalam perniagaan ternakan lembu tenusu keluarga, menggabungkan ilmu moden dengan harapan ibu bapanya yang ingin melihat perniagaan mereka berkembang maju.

Berita Lain...



UPM Angkat Kearifan Melayu ke Pentas Dunia

[Baca lagi »](#)



AgriHub@Gedong perkukuh inovasi pertanian pintar di Sarawak

[Baca lagi »](#)



UPM anjur Program Profesionalisme dan Penghayatan Rukun Negara perkasa jati diri pelajar

[Baca lagi »](#)



UPM kaji peranan bahasa dalam membangun kepercayaan awam terhadap dasar keterjaminan...

[Baca lagi »](#)



Pertanian Bandar Hubungkan Komuniti, Teknologi dan Kelestarian Alam

[Baca lagi »](#)



Pakar getah antarabangsa kongsi hala tuju industri getah mampan di Putra Plantation Forum 15



[Baca lagi »](#)

Arkib Berita

Terkini

Tahun

[2025](#)

[2024](#)

[2023](#)

[2022](#)

[2021](#)

[2020](#)

[2019](#)

[2018](#)

[2017](#)



Universiti Putra Malaysia

43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
Malaysia

+603-9769 1000
pspk@upm.edu.my

Media

[Berita](#)

[Artikel](#)

Video

Keratan Akhbar

Dokumen

Hubungi Kami

Maklum Balas

Lain-Lain

UPM Holdings

Nombor Plat UPM

Give to UPM

Tender dan Kontrak

Kementerian Pendidikan Tinggi

UPM AI HUB



[Disclaimer](#) [Privacy and Security Policy](#) [Copyright](#) [Help](#)

© 2023 Universiti Putra Malaysia